

Kertas 1
OKT 2020
2 jam

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. **Bahagian A** mengandungi **40** soalan. Jawapan anda hendaklah menggunakan ruangan jawapan yang disediakan di halaman 11 .
3. **Bahagian B** mengandungi **empat** soalan subjektif. Jawab **tiga** soalan: **Soalan 1, Soalan 2** dan mana-mana **satu** soalan daripada **Soalan 3** atau **Soalan 4**. Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam helaian tambahan yang disediakan.
4. Tulis **nama dan tingkatan** anda pada ruangan yang disediakan di halaman 11.
5. Ceraikan kertas jawapan di halaman 11 daripada kertas peperiksaan. Ikat kertas jawapan bersama-sama helaian tambahan dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Kertas peperiksaan ini mengandungi 11 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah

BAHAGIAN A
(40 MARKAH)
Jawab **semua** soalan

Soalan 1 hingga **Soalan 20**

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. **Hitamkan** jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan.

1 Antara yang berikut yang manakah **tidak benar** mengenai syarat-syarat taubat?

- A Menginsafi balasan Allah SWT.
- B Berazam tidak akan mengulanginya lagi.
- C Menyesal terhadap maksiat yang dilakukan.
- D Berhenti melakukan maksiat dengan segera.

- Menyekutukan Allah SWT pada zat-Nya
- Mempercayai sesuatu selain daripada Allah
- Menunjuk-nunjuk kehebatan diri

2 Pernyataan di atas merujuk kepada perbuatan _____

- A sihir
- B syirik
- C kufur
- D khurafat

3 Antara yang berikut yang manakah **bukan** ciri-ciri mukmin yang bertambah iman?

- A Mengerjakan ibadah-ibadah sunat.
- B Mengasihi sesama manusia kerana Allah SWT.
- C Mempunyai ilmu pengetahuan tentang Allah dan Rasul-Nya.
- D Melazimi berzikir kepada Allah dan berfikir tentang kebesaran-Nya.

- Berpuasa 19 hari sahaja dalam bulan Ramadan.
- Menunaikan solat sebanyak sembilan rakaat tiga kali sehari.

4 Pernyataan di atas merujuk kepada golongan _____ .

- A Qadyani
- B Taslim
- C Bahai
- D Syiah

5 Masa bercukur bagi orang yang mengerjakan umrah ialah selepas _____.

- A melontar di jamrah.
- B bermalam di Mudzalifah.
- C melakukan tawaf rukun.
- D mengerjakan sai.

6 Berikut adalah perkara yang sunat dilakukan ketika akikah **kecuali**

- A menyembelih binatang akikah pada hari ketujuh kelahiran bayi.
- B memasak manis daging akikah dan dibuat jamuan.
- C mencukur rambut bayi selepas menyembelih.
- D mematah-matahkan tulang binatang akikah.

- Barang yang disewa hilang.
- Tidak menepati syarat.

7 Pernyataan di atas menyebabkan sewaan _____

- A tidak halal.
- B tamat kontrak.
- C tidak perlu dibayar.
- D tertangguh bayaran.

- Dapat membantu orang yang susah.
- Mengelak daripada sikap malas dan meminta-minta.

8 Pernyataan di atas merujuk kepada hikmah _____

- A sewa.
- B gadaian.
- C syarikat.
- D hutang.

9 Pilih pernyataan yang **benar** tentang bermalam di Muzdalifah.

- A Selepas separuh malam ke 10 Zulhijjah.
- B Selepas separuh malam ke 11 Zulhijjah.
- C Pada malam ke 12 Zulhijjah.
- D Pada malam ke 9 Zulhijjah.

10 Tujuan utama sesebuah perkahwinan itu perlu mengikut syariat Islam adalah untuk _____

- A menjamin perkahwinan itu sah.
- B mendapat ganjaran pahala.
- C merapatkan silaturrahim.
- D memelihara maruah.

11 Manakah antara berikut **bukan** syarat suami yang hendak rujuk dengan isterinya?

- A Islam.
- B Berakal.
- C Mumayyiz.
- D Kemahuan sendiri.

- Pusat sumber
- Pusat penterjemahan
- Pusat penyelidikan ilmiah

12 Pernyataan di atas merujuk kepada fungsi _____ pada zaman kerajaan bani Abbasiyah.

- A Madrasah Nizamiyah
- B Darul Hikmah
- C Baitul Hikmah
- D Kuttab

13 Pengaruh luar yang mendorong kepada kemerosotan kerajaan bani Abbasiyah ialah _____

- A Turki dan Parsi.
- B Turki dan Hindi.
- C Parsi dan Yunani.
- D Hindi dan Yunani.

14 Cukai manakah yang diperoleh daripada orang kafir zimmi yang tinggal di negara Islam pada zaman kerajaan bani Umayyah ?

- A Fai.
- B Jizyah .
- C Kharaj.
- D Ghanimah.


15 Semua yang berikut ialah sumbangan Sheikh Muhammad Abduh dalam bidang pendidikan khususnya di Universiti al-Azhar **kecuali**

- A mewujudkan mata pelajaran ilmu fardhu ain.
- B mewujudkan piawaian dalam penganugerahan sijil.
- C memperbaiki asrama pelajar dari aspek keselamatan dan kesihatan.
- D menyediakan peruntukan untuk gaji guru dari perbendaharaan negara.

- Dilahirkan di Minangkabau, Sumatera Barat, Indonesia.
- Pengarang kitab Tafsir al-Azhar.
- Bapanya seorang ulama terkenal.

16 Pernyataan di atas merujuk kepada tokoh _____.

- A al-Sayid Jamaluddin al-Afghani.
- B al-Sheikh Muhammad Abduh.
- C al-Sheikh Tahir Jalaluddin.
- D HAMKA.



17 W dalam rajah di atas ialah sumbangan khalifah _____.


- A Al-Makmun.
- B Harun al-Rasyid.
- C Abu Jaafar al-Mansur.
- D Abu al-Abbas Abdullah al-Safah.

18 Antara adab bersedekah adalah _____.

- A memberi barang yang mahal.
- B memberi barang yang disayangi.
- C memberi barang yang berjenama.
- D mengutamakan rakan daripada keluarga.

19 Perkara berikut adalah dilarang ketika menziarahi jenazah **kecuali**

- A berbual-bual kosong.
- B meraung dan meratap.
- C tidak reda dengan takdir.
- D makan dan minum di rumah si mati.



20 X dalam rajah di atas ialah kepentingan kemudahan awam terhadap _____.

- A masyarakat.
- B keluarga.
- C individu.
- D negara.

Soalan 21 hingga Soalan 26

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul

21. Ajaran atau amalan yang didakwa sebagai ajaran Islam sedangkan hakikatnya bercanggah dengan Al-Quran dan As-Sunah ialah pengertian _____.

Faedah atau pertambahan bayaran dalam urusan pinjaman, hutang piutang, pertukaran makanan yang sejenis dan matawang.

22. Pernyataan di atas merujuk kepada pengertian _____.
23. Menurut syarak istilah _____ ialah menuduh seseorang yang baik melakukan zina tanpa empat orang saksi lelaki yang adil.
24. Antara contoh syirik jali ialah _____.
25. Hukuman hudud yang dikenakan kepada orang yang melakukan perbuatan mencuri sekiranya barang yang dicuri mencukupi kadar tertentu dan sabit kesalahan ialah _____.

- Duduk berdua-duaan di tempat sunyi.
- Memakai pakaian yang mencolok mata.
- Melihat bahan video lucah.

26. Pernyataan di atas merujuk kepada perbuatan yang mendorong kepada _____.

Soalan 27 hingga Soalan 29


Isi tempat kosong dengan memilih jawapan yang betul yang disediakan dalam jadual di bawah:

qudum	ifadah	wada'	sunat
-------	--------	-------	-------

27. Tawaf _____ wajib dilakukan oleh orang yang hendak meninggalkan kota Mekah.
28. Tawaf _____ ialah tawaf rukun dan wajib ditunaikan oleh mereka yang menunaikan ibadat haji.
29. Tawaf _____ disunatkan bagi mereka yang baru sampai ke Mekah.


Soalan 30 hingga Soalan 37

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.



Rajah 1: Susunan Hak Hadanah

30. Y dalam Rajah 1 di atas ialah _____



Rajah 2: Bidang Kuasa Mahkamah Syariah

31. Z dalam Rajah 2 di atas ialah _____

32. Ibnu Khaldun merupakan tokoh dalam bidang _____.

33. Kitab _____ merupakan karya Imam Ahmad bin Hanbal dalam bidang hadis dan al-Sunnah.

34. Rekreasi _____ tertumpu kepada aktiviti lasak yang melibatkan ketahanan fizikal dan mental.

35. Mengumpul dan membukukan al-Quran dalam satu naskhah ialah sumbangan dan jasa khalifah _____.

36. Tindakan Saidina Ali bin Abi Talib memecat Muawiyah daripada jawatan gabenor di Syam menyebabkan berlaku peperangan Siffin dan _____.

37. Bidang ilmu pada zaman kerajaan bani Abbasiyah ialah ilmu akli dan _____.

Soalan 38 hingga Soalan 40

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul.

haram	wajib	fardu kifayah	sunat
-------	-------	---------------	-------

38. Menjaga dan menziarahi orang sakit hukumnya _____.
39. Membanyakkan membaca ayat al-Quran dan berdoa sebelum jenazah dikebumikan adalah _____.
40. Orang muslim yang beramal dengan ajaran sesat, _____ bertaubat dan kembali kepada ajaran Islam.

Bahagian B
[60 markah]
Jawab **tiga** soalan

Jawab **Soalan 1, Soalan 2** dan mana-mana **satu** soalan daripada **Soalan 3** atau **Soalan 4**

- 1 (a)** Perbuatan khurafat adalah dilarang dalam Islam.
- (i) Apakah maksud khurafat? [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** contoh khurafat beserta kesannya jika diamalkan dalam masyarakat. [4 markah]
- (b)** Kufur merupakan salah satu daripada perkara yang membatalkan iman kepada Allah SWT .
- (i) Nyatakan **dua** contoh perbuatan kufur hakikat. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** faktor yang menyebabkan berlakunya kekufuran. [4 markah]
- (c)** Mazhab Ahli Sunah Waljamaah ialah kumpulan yang berpegang teguh dengan al-Quran, al-sunah dan perkara yang dibawa oleh para sahabat serta menentang perkara bid'ah.
- (i) Nyatakan **dua** nama lain bagi mazhab ini. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kepentingan berpegang dengan akidah Ahli Sunah Waljamaah [2 markah]
- (iii) Huraikan tindakan yang boleh anda lakukan untuk memelihara akidah dalam menjalani kehidupan di dunia agar tidak terpengaruh dengan ajaran sesat. [4 markah]
- 2 (a)** Jual beli dalam Islam adalah salah satu muamalat yang diharuskan.
- (i) Apakah pengertian jual beli? [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** syarat barang yang sah dijual beli. [2 markah]
- Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud : sembilan persepuluh daripada punca rezeki adalah daripada perniagaan.
- (iii) Mengapakah Islam menggalakkan umatnya berniaga? Huraikan pendapat anda. [4 markah]
- (b)** Saham juga merupakan muamalat yang dibenarkan dalam Islam.
- (i) Apakah yang dimaksudkan dengan saham? [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** sumber modal dalam sesebuah syarikat. [2 markah]
- (c)** Poligami yang tidak mengikut peraturan syarak akan mengundang kemurkaan Allah.
- (i) Apakah maksud adil dalam berpoligami? [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** hikmah Islam mensyariatkan poligami. [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** perbezaan antara fasakh dengan talak. [4 markah]

- 3 (a)** (i) Jelaskan sebab terhentinya peluasan negara Islam semasa pemerintahan khalifah Sayidina Ali bin Abi Talib radiallahuanhu. [2 markah]
- (ii) Kekuatan ekonomi pada zaman kerajaan bani Umayyah banyak bergantung kepada sektor pertanian dan perdagangan.
Terangkan **dua** usaha yang dilakukan oleh kerajaan Umayyah untuk mengukuhkan kedua-dua sektor tersebut. [4 markah]
- (b)** Muhammad Abduh ialah tokoh islah (pembaharuan) yang ulung.
- (i) Terangkan cara beliau menyampaikan idea islahnya kepada umat Islam. [2 markah]
- (ii) Jelaskan kesan perjuangan islah beliau dalam bidang ilmu. [2 markah]
- (c)** (i) Nyatakan **dua** panduan berpakaian menurut Islam. [2 markah]
- (ii) Terangkan kesan melakukan amalan yang dilarang ketika berhias diri. [2 markah]
- (iii) Nyatakan **dua** cara beradab dengan Rasul serta contohnya. [2 markah]
- (iv) Terangkan **dua** kerugian orang yang tidak melakukan sunnah Rasulullah S.A.W. [4 markah]
- 4 (a)** Kerajaan bani Abbasiyah telah berjaya meletakkan umat Islam di tempat yang tinggi pada kaca mata dunia.
- (i) Jelaskan faktor yang membawa kegemilangan kerajaan bani Abbasiyah [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** peranan yang boleh dilakukan oleh umat Islam sekarang untuk mengembalikan kegemilangan tersebut. [4 markah]
- (b)** Kebanyakan umat Islam di Malaysia ialah pengikut mazhab Imam al-Syafii rahimahullah.
- (i) Terangkan keistimewaan Imam al-Syafii rahimahullah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan sumbangan beliau. [2 markah]
- (c)** (i) Apakah maksud amar makruf? [2 markah]
- (ii) Nyatakan **dua** adab amar makruf nahi mungkar. [2 markah]
- (iii) Nyatakan maksud sedekah. [2 markah]
- (iv) Terangkan hikmah memberi hadiah dan sedekah. [4 markah]

ARAHAN :
Hitamkan jawapan yang betul

NAMA :

TING :

.....potong di sini.....

1	A	B	C	D
2	A	B	C	D
3	A	B	C	D
4	A	B	C	D
5	A	B	C	D
6	A	B	C	D
7	A	B	C	D
8	A	B	C	D
9	A	B	C	D
10	A	B	C	D
11	A	B	C	D
12	A	B	C	D
13	A	B	C	D
14	A	B	C	D
15	A	B	C	D
16	A	B	C	D
17	A	B	C	D
18	A	B	C	D
19	A	B	C	D
20	A	B	C	D

21	
22	
23	
24	
25	
26	
27	
28	
29	
30	
31	
32	
33	
34	
35	
36	
37	
38	
39	
40	

Bah. A	Markah Objektif	Markah ITK	Jumlah Bah. A
Bah. B	Soalan 1		
	Soalan 2		
	Soalan 3		
	Soalan 4		
JUMLAH BESAR			